

# JAWAPAN

Unit  
**3**

## Hidup Bermoral Pemangkin Kesejahteraan

### Modul PBD

1. • Menjadi insan yang berakhhlak mulia
  - Mengamalkan integriti
  - Membentuk perpaduan
  - Mempunyai nilai sejagat
  - Mengamalkan kesejahteraan sejagat

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

2. (a) ✓  
(b) X  
(c) X  
(d) X  
(e) ✓  
(f) X  
(g) ✓  
(h) ✓

3. (a) (i) Berpakaian sopan
  - (ii) Bertegur sapa dengan tetamu lain
  - (iii) Berusaha mempelajari adat resam dan kepercayaan kaum lain
  - (iv) Tidak menghina pakaian tradisional kaum lain
- (b) (i) Mengambil terlalu banyak makanan pada satu masa
  - (ii) Makan dengan gelojoj
  - (iii) Bercakap semasa mulut penuh dengan makanan
  - (iv) Meninggalkan pinggan mangkuk yang digunakan di atas meja makan

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

#### 4. (a) **Tindakan bermoral:**

Berbincang tentang pelajaran secara sopan dan tidak berbual-bual tentang perkara yang tidak berkaitan dengan pelajaran.

#### **Kebaikan:**

Dapat memberikan tumpuan terhadap perbincangan dan menambahkan ilmu pengetahuan.

#### (b) **Tindakan bermoral:**

Berdiri tegak dan menyanyikan lagu Negaraku dengan penuh bersemangat.

#### **Kebaikan:**

Menunjukkan rasa cinta kepada negara dan dapat menyemai semangat patriotik dalam kalangan warga sekolah.

#### (c) **Tindakan bermoral:**

Memberikan kata-kata semangat kepada jiran dan berdoa agar jiran sembuh dengan cepat.

#### **Kebaikan:**

Jiran berasa gembira kerana orang lain mengambil berat terhadapnya serta merapatkan hubungan dengan jiran.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

#### 5. (a) **Tindakan yang perlu anda lakukan:**

Menegur perbuatan pemandu tersebut supaya tidak meletakkan kenderaan di tempat letak kereta yang disediakan untuk golongan OKU.

#### **Sebab anda perlu bertindak sedemikian:**

Memudahkan golongan OKU meletakkan kenderaan di tempat yang strategik dan berdekatan dengan pintu masuk.

#### **Kesan jika anda tidak bertindak sedemikian:**

Hak dan kebajikan golongan OKU terjejas dan akan menyusahkan mereka.

#### (b) **Tindakan yang perlu anda lakukan:**

Memberikan nasihat kepada adik saya supaya tidak menggunakan telefon bimbit semasa telefon tersebut sedang dicas.

#### **Sebab anda perlu bertindak sedemikian:**

Untuk mengelakkan risiko letupan telefon bimbit.

#### **Kesan jika anda tidak bertindak sedemikian:**

Membahayakan keselamatan dan nyawa adik saya.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

### Power KBAT

1. (a) Menunggang motosikal melebihi had laju yang ditetapkan
  - (b) Melarikan diri apabila sekatan jalan raya dijalankan
  - (c) Menyertai lumba haram
  - (d) Melanggar lampu isyarat
2. (a) Pengaruh rakan sebaya
  - (b) Kurang didikan agama dan moral
  - (c) Ingin mendapatkan keseronokan
  - (d) Kurang pemantauan daripada pihak berkuasa
3. (a) Imej diri terjejas
  - (b) Keselamatan diri terancam
  - (c) Ditangkap oleh pihak polis
4. (a) Menasihati anak-anak supaya tidak mudah terpengaruh oleh rakan dan memantau kegiatan anak-anak
  - (b) Melaporkan kegiatan mat rempit kepada pihak polis
  - (c) Menjalankan sekatan jalan raya dan melakukan pemantauan dengan lebih kerap

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)